

6.6 JUTA DIBERI BANTUAN TUNAI



Kosmo 2/10/2011 mas 1

Libatkan peruntukan RM790 juta untuk bantu persekolahan generasi muda Malaysia

KIRA-KIRA 6.6 juta pelajar di Malaysia bakal menerima bantuan kewangan daripada kerajaan yang diumumkan dalam Bajet 2012. Apabila mereka memulakan sesi persekolahan baharu tahun depan, secara keseluruhannya mereka akan menerima peruntukan wang tunai berjumlah RM790 juta.

Daripada jumlah tersebut, seramai 5.3 juta pelajar daripada tingkatan satu hingga lima akan memperoleh bantuan RM100 seorang selain pemansuhan yuran tahunan sekolah rendah dan menengah masing-masing berjumlah RM24.50 dan RM33.50 setiap seorang.

Kira-kira 1.3 juta pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, matrikulasi dan tingkatan enam pula akan diberi baucar buku bernilai RM200 seorang.

BAJET 2012 mengejutkan banyak pihak termasuk pelajar yang menerima banyak bantuan kewangan.

BERITA DI MUKA 2

Bantuan RM790 juta ringankan beban ibu bapa, tanda keprihatinan kerajaan

Kosmo 9/10/2011 MS 2.

RM500 jika keluarga ada lima anak

Oleh ZULKIFLI MANZOR, MOHD. ZAINI SAMSU HADI dan LILY YEAN
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Kira-kira 6.6 juta pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi awam serta swasta di negara ini akan mendapat habuan wang tunai berjumlah RM790 juta bermula sesi persekolahan tahun depan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM530 juta diperuntukkan kepada 5.3 juta pelajar sekolah dari tingkatan satu hingga lima yang akan menerima bantuan RM100 manakala sebanyak RM260 juta diperuntukkan untuk baucar buku bagi pelajar universiti.

Bantuan kewangan secara tunai itu yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2012 di Dewan Rakyat kelmarin turut melibatkan pemansuhan yuran tahunan bagi sekolah rendah sebanyak RM23.50 dan yuran sekolah menengah RM33.50 yang kesemuanya berjumlah RM150 juta.

Yang pasti, perkhabaran paling gembira buat ibu bapa ialah apabila kerajaan bersejua memberikan wang tunai RM100 bagi setiap anak yang bersekolah dari darjah satu hingga tingkatan lima. Ini bermakna jika sebuah



PELAJAR merupakan golongan bertuah kerana sentiasa mendapat perhatian kerajaan. - Gambar hiasan



MOHAMAD ALI



HASHIM

keluarga mempunyai lima orang anak bersekolah, keluarga tersebut akan mendapat RM500.

Keluarga itu turut layak menerima bantuan khas RM500 lagi jika pendapatan isi rumah mereka adalah di bawah RM3,000 sebulan.

Ketika diminta mengulas pengumuman bantuan itu,

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Hashim Adnan menasihatkan ibu bapa supaya menggunakan wang tersebut untuk membeli buku tulis yang selama ini terpaksa dibeli sendiri.

"Buat masa ini, lebih kurang 50 buah buku latihan akan digunakan oleh setiap pelajar di semua peringkat sekolah setiap tahun.

"Sebuah buku latihan kini dijual pada harga di antara 60 sen hingga 80 puluh sen. Ia merupakan satu bebanan kepada pelajar terutamanya mereka yang terdiri daripada keluarga berpendapatan ren-

Dengan bantuan begitu banyak, tiada lagi alasan untuk ibu bapa tidak menghantar anak-anak ke sekolah

DR. MOHAMAD ALI HASAN

dah," ujarnya.

Hashim turut mengucapkan terima kasih kepada keprihatinan kerajaan terhadap soal pendidikan. Menurutnya, pemansuhan yuran tahunan sekolah dalam Bajet 2012 sekali gus menjadikan pendidikan negara ini percuma.

Sementara itu, Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Prof. Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hasan berkata, langkah menghapuskan yuran tahunan sekolah jelas membuktikan kerajaan benar-benar prihatin terhadap sektor pendidikan di negara ini.

"Selepas ini, tiada lagi alasan bagi ibu bapa atau penjaga untuk tidak menghantar anak mereka ke sekolah," ujarnya.